

# Penyelesaian isu FELDA diiumum Mac

⊕ Pembentangan lengkap masalah peneroka diserah kepada Kabinet: Mohamed Azmin

Oleh T N Alagesh dan  
Nik Sukry Ramli  
cnews@mst.com.my

► Lipis

**K**emelut dihadapi peneroka FELDA ketika ini dijangka dapat diselesaikan dua bulan lagi, kata Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

\* Beliau berkata, pembentangan lengkap semua masalah FELDA kepada Kabinet dijadualkan pada Mac ini.

"Semua masalah FELDA, termasuk isu perumahan generasi kedua juga akan diselesaikan.

"Mengenal hutang peneroka FELDA, Kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak akan hapuskan berdasarkan perkara tertentu, se-

perti dalam konteks 'hutang tidak wajar'."

#### Tak cadang mansuh hutang

"Agipun, kita gunakan prinsip dan teras dalam Islam, iaitu hutang wajib dibayar dan ia (hutang)

dibuat berdasarkan persetujuan

antara kedua-dua pihak, iaitu pe-

minjam dan orang yang membuat

pinjaman," katanya selepas lawatan

kejaya ke projek perumahan

generasi kedua FELDA di Sungai

Koyan di sini, petang semalam.

Ketika ditanya manifesto PH

pada Pilihan Raya Umum Ke-14

(PRU-14) lalu yang menjanjikan

permansuhan 50 peratus hutang

peneroka FELDA, Mohamed Az-

min berkata, kerjaan sedia me-

rmasihkan semua hutang yang

tidak wajar sahaja.

"Kita perlu baca konteks se-



Mohamed Azmin melawat sebuah rumah di bawah projek Perumahan Generasi Kedua FELDA Gugusan Sungai Koyan di Lipis, semalam.

penansuhan dalam manifesto PH,

adalah tidak wajar kita meng-

hapuskan (semua hutang FELDA)

kerana ia satu akad yang diper-

setui kedua-dua pihak dalam

Islam."

"Kerajaan hanya hapuskan hu-

tang tidak wajar. Contohnya, pe-

neroka perlu berhutang untuk

guna bajai import dan pada masa

sama, iaitu malu galakkan mereka

menggunakan bajai tempatan."

"Selain itu, kita hanya hapuskan

kadar faedah hutang (peneroka)

dan itu pun ikut keadaan ekonomi

semesta," katanya.

Sementara itu, Mohamed Az-

min turut memberi perhatian ber-

hubung isu 240 rumah projek

Perumahan Generasi Kedua FELDA

Gugusan Sungai Koyan 1, 2 dan 3

yang sudah siap, namun tidak

mempunyai sijil layak menduduki

(CCC) sejak dua tahun lalu.

Mohamed Azmin berkata, be-

liau tidak boleh menerima alasan

kelemahan pentadbiran terdahlu-

hi, serta meminta menyiasat per-

kara itu dengan segera.

#### Masalah pentadbiran

Beliau yang mengambil maktum

mengenai perkara itu pada minggu

lalu meluangkan masa kira-kira

sejam, bagi melihat sendiri

dan bertemu sebahagian pembeli

perumahan berkenaan di FELDA

Sungai Koyan 1.

"Dari pada maklumat awal yang

sayang peroleh, ia lebih kepada ma-

salah pentadbiran, iaitu subkon-

traktor dan mereka terpaksa

memberhentikan dulu kontraktor

utama sebelum meneruskan pe-

ngurusan dengan subkontraktor.

"Saya tidak boleh menerima se-

muas alasan itu, sebaliknya ke-

luarga FELDA ini mestinya mendapat

pembelaan adil dan saksama, ke-

rancangan rumahsudah siap dari

lalu."

"Mengapa mereka mengambil

massa begitu lama hagi membe-

kalikan bekalan elektrik," kata-

nya.

Masalah rumah berkenaan mu-

la timbul apabila pembeli rumah

berharga RM60,000 membabitkan

beliau tidak dapat mendudukinya,

atas pelbagai faktor termasuk ti-

dat mempunyai sijil CCC, selain

berlaku mendapati taraf pada

sebuah rumah di situ sehingga

tidak selamat diduduki.

Justeru, Mohamed Azmin me-

rinta FELDA menyiasat dan me-

ngambil tindakan sewajarnya,

supaya mereka dapat memasuki

rumah itu segera.